

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH : 16.5.2016**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengurangkan sekolah kurang murid dengan mewujudkan sekolah bersepadu berasrama di kawasan luar bandar Sarawak khususnya yang kini sudah boleh dihubungi melalui jalan darat bagi menawarkan pendidikan berkualiti kepada pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di semua sekolah termasuk Sekolah Kurang Murid (SKM) khususnya di luar bandar.

Melalui inisiatif 40, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM berhasrat dan merancang untuk menggabungkan SKM bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk semua murid. Namun, usaha menggabungkan SKM ini hendaklah mengikut keperluan kes demi kes dan berdasarkan hasil perbincangan

serta persetujuan sepenuhnya oleh komuniti setempat. Sekiranya penggabungan SKM atau pemindahan SKM ke lokasi baru dapat dilaksanakan, langkah tersebut akan meningkatkan kualiti pendidikan SKM, mewujudkan dan menyesuaikan persekitaran pembelajaran kondusif untuk semua murid, seterusnya meningkatkan hasil pembelajaran serta mengurangkan kos operasi semua SKM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 847 buah sekolah di Sarawak yang dikategorikan sebagai SKM iaitu enrolmen di bawah 150. Berdasarkan persetujuan komuniti setempat, hanya dua (2) buah SKM daripada jumlah tersebut yang bersetuju untuk berpindah tetapi bukan bergabung. Kedua-kedua sekolah bantuan kerajaan berkenaan sedang dalam proses mencari tapak baharu untuk berpindah sebelum mengemukakan permohonan kepada KPM.

KPM juga tidak bercadang untuk memperluas pelaksanaan sekolah berpusat kerana konsep ini tidak sesuai untuk murid-murid peringkat rendah berada di asrama, terutama bagi murid Tahun 1 sehingga Tahun 3. Murid-murid pada tahap tersebut, masih tidak boleh menguruskan diri mereka, di samping pihak ibu bapa tidak mahu berpisah dan melepaskan anak mereka yang masih kecil tinggal di asrama. Oleh itu, KPM berpandangan pembinaan sesebuah sekolah peringkat rendah perlu berada dekat dengan komuniti setempat supaya hak kanak-kanak yang perlu berada bersama keluarganya tidak dinafikan.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**TARIKH : 16.5.2016 (ISNIN)**  
**SOALAN : 57**

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk merubah struktur pinjaman PTPTN daripada pinjaman jenis gadai janji (mortgage-type loans) yang menggunakan kadar tetap kepada skim pembayaran balik berasaskan pendapatan (income-repayment scheme) bagi meringankan beban peminjam.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa meneliti kaedah-kaedah baru yang boleh dilaksanakan untuk memastikan kemampanan kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) melalui peningkatan prestasi kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan. Salah satu kaedah yang dicadangkan adalah *Income Contingent Loans Repayment* (ICLR) yang mana melalui kaedah ini peminjam hanya perlu membayar balik pinjaman mengikut kadar tertentu yang ditetapkan berdasarkan pendapatan peminjam.

Cadangan pelaksanaan ICLR sedang dikaji oleh PTPTN secara terperinci. Buat masa ini, KPT memberi sepenuh perhatian terhadap rundingan iaitu galakan bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji dan

penguatkuasaan seperti pelaksanaan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (Central Credit Reference Information System) atau CCRIS.

Untuk makluman, pada tahun 2015 PTPTN telah berjaya membuat kutipan bayaran balik sebanyak RM1.4 bilion iaitu hampir dua kali ganda daripada sasaran RM750 juta. Sejak Mac 2016, kutipan telah melebihi RM200 juta sebulan dan pada bulan Mac sahaja, nilai kutipan adalah sebanyak RM237.4 juta. Bagi tahun 2016, dijangkakan jumlah kutipan PTPTN akan mencecah RM2 billion. Ini akan memastikan kelestarian kewangan PTPTN untuk membantu pelajar-pelajar meneruskan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.